

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 JAN 2015

'Pendidikan kekal bahasa, budaya'

BH - 31/1/2015



Najib bersama Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Persidangan Antarabangsa Pengajian Tamil, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Persatuan Penyelidikan Tamil Antarabangsa (IATR), Tan Sri Prof T Marimuthu (kanan) melihat buku pada **Persidangan Antarabangsa Pengajian Tamil Ke-9** di UM, Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

Kuala Lumpur: Kerajaan menggalakkan penggunaan bahasa ibunda, khususnya dalam sistem pendidikan negara dan memberikan bantuan kepada pelbagai kumpulan etnik untuk memelihara bahasa serta mengekalkan budaya masing-masing.

Datuk Seri Najib Razak berkata, negara juga bangga kerana komuniti India berjaya mengekalkan budaya dan bahasa menerusi peluang yang

disediakan kerajaan untuk murid mempelajari bahasa Tamil mulai prasekolah sehingga menengah rendah.

Beliau berkata, negara mempunyai 523 sekolah rendah jenis Tamil sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan Malaysia dan sebuah lagi sekolah rendah baharu jenis Tamil di Lunas, Kedah akan mula beroperasi April ini.

"Selain itu, kerajaan meluluskan pembangunan enam

lagi sekolah rendah jenis Tamil dan semua projek kini dalam pelbagai fasa pelaksanaan," katanya pada ucapan pada perasmian Persidangan Antarabangsa Pengajian Tamil Ke-9, di Universiti Malaya (UM), di sini, semalam.

Beri sumbangan signifikan

Najib berkata, komuniti India sudah memberi sumbangan signifikan terhadap pembangunan negara, terutama dalam sektor pertanian dan infrastruktur sejak abad ke-19.

Katanya, majoriti masyarakat India pada abad itu mendiami kawasan pedalaman dan bekerja sebagai buruh pertanian, namun mereka membangun seiring kemajuan Malaysia ketika ini.

"Status sosioekonomi komuniti India saban tahun menunjukkan perubahan signifikan, khususnya selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

"Kini, masyarakat India mewakili 11.1 peratus daripada golongan profesional negara, terutama dalam bidang guaman dan perubatan. Malah, ramai tokoh daripada kaum India yang menyumbang kepada kejayaan Malaysia dalam pendidikan, perniagaan dan sukan," katanya.

Menerusi konsep 1Malaysia, katanya, kerajaan komited memastikan komuniti India terus menempa kejayaan dalam pelbagai sektor.

FAKTA NOMBOR

523 sekolah

rendah jenis Tamil
di seluruh negara